

Pak Lah tiba di China untuk lawatan rasmi

Daripada Mior Kamarul Shahid

BEIJING: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood tiba di sini malam tadi untuk memulakan lawatan rasmi lima hari ke Republik Rakyat China sempena memperingati ulang tahun ke-30 hubungan diplomatik Malaysia-China.

Ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing disambut Pembantu Menteri Luar China, Shen Guofang. Turut menyambut ketibaan ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan isteri, Datin Seri Sharifah Aziah serta Duta Malaysia di China, Datuk Abdul Majid Ah-

mad Khan.

Abdullah dan Endon menginap di Rumah Tetamu Negara Diaoyutai, di sini.

Upacara sambutan rasmi diadakan di Dewan Besar Republik Rakyat China petang ini sebelum perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri, Wen Jiabao. Abdullah juga akan mengunjungi Presiden Hu Jintao.

Malaysia dan China akan menandatangani tiga perjanjian dua hala untuk mengeratkan kerjasama kedua-dua negara.

Sektor swasta pula menandatangani 30 perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) dalam pelbagai bidang usaha sama. Pada malamnya, Abdullah akan

diraikan pada majlis jamuan negara oleh Wen Jiabao. Paginya Perdana Menteri merasmikan pameran showcase Malaysia in China anjuran Matrade dengan kerjasama Kementerian Pelancongan.

Lebih 80 gerai agensi dan syarikat Malaysia mempamerkan pelbagai produk termasuk sektor pelajaran dan pelancongan.

Abdullah kemudian mengadakan pertemuan dengan wakil Majlis Bersama Perniagaan China. Beliau dan rombongan, seterusnya menaiki splan Jumaat di Masjid Nan Xia Po, daerah Chaoyang, di sini.

Perdana Menteri kemudian menghadiri Dialog Perniagaan Malaysia-China anjuran Matrade.



ABDULLAH disambut Duta China ke Malaysia, Wang Chungui dan Abdul Majid (kiri) di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing, semalam.- Gambar Bernama